

12/05/2003

MBM bantu KBS dengar rintihan pemimpin belia

Sobri Ahmad

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) adalah badan induk kebangsaan bagi persatuan belia Malaysia. Ia ditubuhkan pada 23 Julai 1948, hasil pertemuan 75 pemimpin belia yang mewakili persatuan pelajar dari seluruh negara.

Berikutan penubuhan Jawatankuasa Sementara MBM, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman dipilih mewakili Tanah Melayu ke Persidangan Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) di Brussel.

Pada peringkat awal, MBM tidak dapat bergerak cergas kerana kedudukan badan gabungannya yang menghadapi masalah kewangan, pentadbiran serta tidak mempunyai kakitangan tetap.

Namun pertukaran Pesuruhjaya Tinggi, Malcolm Mc Donald ke India pada September 1955 memberi rahmat kepada MBM apabila Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dilantik menjadi Penaung MBM, sekali gus MBM diiktiraf sebagai badan penyelaras belia kebangsaan.

Pada era 1950-an, MBM turut berperanan dalam usaha menuntut kemerdekaan negara daripada kuasa penjajah. MBM juga bergerak aktif dalam menjalankan program kemasyarakatan bagi membantu kerajaan membasmi kemiskinan dan buta huruf di luar bandar, di samping bersikap proaktif terhadap isu pembangunan negara.

Selepas 55 tahun, kini MBM di bawah naungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus berdiri gagah mewakili kepentingan belia Malaysia serta memayungi 39 badan gabungannya.

Pada masa sama, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertindak sebagai 'Rakan Pembangunan' kepada MBM.

Atas persefahaman terdahulu, MBM-KBS berjaya mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) sebagai 'Parlimen Belia' yang menemukan pemimpin belia, pegawai tinggi kerajaan, ahli politik dan tokoh masyarakat bagi menggubal dasar serta program utama belia Malaysia.

Sebagai seorang aktivis belia, Presiden MBM, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sedar bahawa sindrom kelesuan persatuan belia membantutkan usaha kerajaan menangani gejala sosial di kalangan generasi muda.

Justeru, beliau yang juga Menteri Besar Selangor melancarkan agenda menggerak belia negara. Ini untuk memberi suntikan semangat kepada pemimpin belia serta memupuk minat generasi muda menyertai kegiatan berfaedah dan sekali gus mengupayakan pertubuhan belia yang lama bertapak, tetapi kurang produktif.

Agenda ini boleh dicapai jika Konsep Rakan Pembangunan dihayati pegawai KBS dan pemimpin belia. Keadaan akan menjadi sebaliknya, jika pegawai belia mengambil peranan pemimpin belia. Begitu juga jika pemimpin belia tidak diletakkan di tempat sepatutnya.

Kalau Presiden MBM sendiri pun tiada ruang untuk menyampaikan ucapan pada MPBN lalu, apatah lagi pemimpin belia cawangan Sungai Yan.

Minggu lalu, akhbar melaporkan bahawa Presiden Kesatuan Penolong dan Pembantu Pegawai Belia dan Sukan Semenanjung 'mengumumkan' tambahan peruntukan sehingga 100 peratus. Jika ia benar-benar berlaku, pemimpin persatuan belia pasti menarik nafas lega. Ini kerana mereka tidak lagi bersusah payah menghilangkan diri daripada pembekal alat tulis datang ke rumah mengutip hutang program Rakan Muda yang dilaksanakan tahun lalu.

Sebagai tindakan susulan, MBM meminta kesatuan berkenaan mengemukakan senarai persatuan yang menerima peruntukan RM10 juta, termasuk yang menerima RM3,000 untuk bantuan pentadbiran setahun seperti yang didakwa

dalam kenyataan itu ke pejabat MBM sebagai rujukan kami.

Begitupun, berdasarkan aduan daripada pemimpin belia pelbagai peringkat, MBM berpendapat kelesuan persatuan belia masih belum dapat diatasi sepenuhnya.

Ironinya, masalah persatuan terbabit hampir sama seperti dihadapi MBM pada peringkat awal penubuhannya.

MBM yakin KBS di bawah kepemimpinan Menterinya, Datuk Hishammuddin Hussein mampu mengatasi masalah ini. Tidak mustahil beliau mampu memulihkan semula persatuan belia yang hampir diarah tutup itu. Tetapi bagaimana dengan pegawainya. Adakah mereka faham apa yang dihasratkan Menteri Belia dan Sukan?

Sebagai langkah membantu KBS, MBM sendiri akan membuka Kaunter Aduan mulai bulan depan bagi mendengar rintihan dan keluhan pemimpin belia peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

Diharapkan mereka dapat mengambil peluang untuk meluahkan segala masalah yang dihadapi, terutama dalam isu kelesuan persatuan belia di tempat masing-masing.

MBM juga akan mengedarkan borang soal selidik yang meliputi masalah kepemimpinan, ruang pejabat, program Rakan Muda dan kewangan.

Laporan berkaitan akan dibincangkan dalam Dialog Belia Kebangsaan sempena Perhimpunan Agung Tahunan Kali Ke-53 dari 1 hingga 4 Ogos depan di Kota Kinabalu, Sabah dan seterusnya dibentangkan dalam persidangan MPBN akan datang.

SOBRI AHMAD,
Naib Presiden MBM.